

# Arroyo jadi tetamu ketiga rancangan *In Conversation*

UM 11 DEC 2001

KUALA LUMPUR 10 Dis. — Siri ketiga rancangan bual bicara bulanan, *In Conversation* terbitan empat stesen televisyen utama negara-negara ASEAN akan ke udara di TV3 pada pukul 9 malam, esok.

Bagi siri kali ini, Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo menjadi tetamu dan ditemubual oleh empat ahli panel asal dengan diketuai oleh Pengerus Besar Kanan, Bahagian Berita dan Ehwat Semasa TV3, Datuk Chamil Wariya.

Ahli panel lain ialah

Ketua Koresponden ABS-CBN Manila, Korina Sanchez, Penerbit Berita Eksekutif RCTI Jakarta, Roy Tindage dan Pengarang Berita Luar Negara iTV Bangkok, Chib Jitniyom.

Dalam temu bual selama sejam yang dirakamkan di Istana Malacanang di Manila itu, antara isu dijawab oleh Arroyo termasuk isu penahanan bekas Gabenor Wilayah Autonomi Mindanao (ARMM), Nur Misuari dan situasi terkini di selatan Filipina.

Turut disentuh ialah

perkembangan politik dan ekonomi Filipina, hubungannya dengan negara ASEAN yang lain dan usaha beliau memerangi masalah sosial, kemiskinan dan rasuah selepas mengambil alih pentadbiran kerajaan.

Sebelum ini, *In Conversation* telah menemu bual Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada rancangan sulungnya dan diikuti oleh Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.